

Oleh Rosniza
Mohd Taha
roniza@oh.com.my

Kuala Lumpur

Ketika bantuan dari seluruh negara giat disalurkan untuk membantu masyarakat yang terbabit dalam bencana banjir, mahasiswa institusi pengajian tinggi tidak ketinggalan menjadi sukarelawan bagi menjayakan misi itu.

Pelajar Universiti Malaya (UM) melancarkan Misi Banjir Mahasiswa (MBM) bagi menghimpunkan sukarelawan seluruh negara untuk berbakti di pusat pemindahan mangsa banjir, pusat pengumpulan barang bantuan serta lokasi ditimpa bencana itu.

Antara langkah awal dilaksanakan adalah mengumpulkan barang makanan dan kelengkapan peribadi daripada warga universiti dan orang awam untuk disalurkan kepada penduduk di negeri Pantai Timur.

Sementara itu, lebih 500 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) membantu



Warga Kolej Kediaman ke-10 UM mengumpul dan menguruskan penghantaran barang sumbangan untuk mangsa banjir.

Mahasiswa sepakat turun padang



Prof Daing Nasir (kiri) menyampaikan sumbangan makanan kepada sukarelawan bertugas dan mangsa banjir yang tinggal di kampus UMP.

mangsa banjir sekitar Kuantan di pusat penempatan banjir dengan menguruskan bekalan makanan, memasak dan menyampaikan bekalan keperluan harian seperti kain batik, kain pelekat dan lampin bayi.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata dua pusat operasi dibuka di Bilik Kawalan Operasi & Bencana (BKOB) UMP Gambang dan Pekan bagi membantu mangsa banjir termasuk menyediakan kemudahan penempa-

tan di kolej kediaman dan rumah tamu.

Katanya, Sistem Res-Q Dashboard digunakan bagi mengemaskini dan memantau kakitangan serta pelajar yang menjadi mangsa banjir di Kuantan untuk tujuan penyaluran bantuan dan sumbangan.

Mesin hemodialisis

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pulalah menghantar dua unit mesin hemodialisis miliknya ke Hospital Universiti

Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, Kelantan bagi membantu keperluan yang meningkat secara mendadak akibat banjir di negeri itu.

Penghantaran mesin yang dibuat melalui pernyelaras oleh pihak Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) itu adalah sebahagian daripada bantuan kemanusiaan yang digerakkan di bawah Pusat Gerakan Bencana Alam UTHM yang mula beroperasi sejak 25 Disember yang lalu.

Selain dua mesin tersebut dan pelbagai barang keperluan lain, UTHM turut menghantar seorang doktor perubatan dan tiga jururawat bagi membantu operasi khidmat hemodialisis di HUSM.

Universiti Putra Malaysia (UPM) turut menghantar sembilan tan bekalan bantuan kemanusiaan selain sumbangan wang tunai untuk mangsa banjir.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin berkata bekalan itu dihantar ke Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia Subang serta pusat pengumpulan sumbangan kendalian Kementerian Pendidikan di UPM.

Beliau berkata, selain menderma, warga UPM menganjurkan solat hajat, bacaan Yassin dan menghantar kira-kira 400 sukarelawan dan pegawai agama untuk membantu mangsa banjir yang memerlukan khidmat mereka menerusi kempen Bantuan 3D UPM iaitu derma, doa dan dorongan.